

Diancam buaya

Penduduk ketakutan sang bedal masuk kampung lepas sungai melimpah

FOTO | Mohd Radzi Bujang

>>Oleh M Hifzuddin Ikhsan
am@hmetro.com.my

KUCHING: Selain ancaman banjir, penduduk Kampung Beradek, Pulau Semilang, dekat sini, turut berdepan kebimbangan selepas menyaksikan kemunculan kelibat beberapa buaya berkeliaran berhampiran kawasan rumah mereka.

Reptilia sepanjang tiga hingga empat meter itu sering dilihat berjemur di kawasan sungai sekali gus menimbulkan kebimbangan penduduk kemungkinan haiwan itu masuk ke rumah mereka yang dinaiki air.

Penduduk, Ibrahim Kipli, 68, berkata, buaya itu mungkin masuk ke kawasan kampung melalui pintu air berikutan paras sungai meningkat dan melimpah akibat hujan lebat diikuti air pasang besar.

Katanya, memang penduduk mengakui terdapat banyak buaya berkeliaran di kawasan sungai sekitar Pulau Semilang, namun buat masa



BAHAYA...Reduan Bujang (kiri) dan Ramzi Nawi menunjukkan benteng penahan ombak yang pecah di Pulau Semilang.

ini, belum ada penduduk menjadi korban haiwan ganas berkenaan.

"Namun, kebimbangan penduduk tetap ada teruta-

ma selepas paras sungai terlalu tinggi menyebabkan buaya boleh bergerak sehingga masuk ke pintu air dan mengancam kesela-

tan penduduk," katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam.

Sementara itu, lebih 400 penduduk Kampung Bera-

dek bersama Tiang Api, Semilang, Beradek Cina dan Sungai Pinang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Beradek, selepas rumah mereka dinaiki air antara 0.5 hingga 0.8 meter.

Tinjauan Harian Metro mendapati banjir di kampung menunjukkan tanda untuk pulih, namun air pasang besar serta hujan tidak berhenti menyebabkan rumah penduduk kembali ditenggelami.

Menurut Ibrahim, paling membimbangkan adalah kanak-kanak, terutama di Kampung Tiang Api yang terletak agak rendah kerana mereka gemar bermain air banjir serta terdedah kepada ancaman haiwan berbisa.

"Sekiranya buaya terlepas ke kawasan kampung, kanak-kanak yang suka bermain air berisiko diserang kerana mereka yang terlebih dulu dilihat memasuki parit kecil sekitar kampung," katanya.

Banjir di Sarawak

MANGSA BANJIR DI SARAWAK
(Setakat jam 5 petang, 28 Disember 2011)

Daerah	Bilangan Keluarga	Jumlah Mangsa	Pusat Pemindahan
Kuching	341	958	2
Samarahan	310	1,333	5
Sri Aman	33	102	1
Sibu	87	539	2
Sarikei	1	6	1
JUMLAH	772	2,938	11



Makin pulih

KUCHING: Keadaan banjir di Sarawak semakin pulih apabila jumlah mangsa yang dipindahkan berkurangan kepada 2,938 orang berbanding 4,820 sebelum ini, yang membabitkan penduduk di daerah Kuching, Sri Aman, Sibu dan Sarawak, semalam.

Pemangku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Sarawak Datuk Misnu Taha, berkata, tiada kemalangan jiwa dilaporkan sejak beberapa kawasan dilanda banjir teruk, Ahad lalu.

"Mangsa di pusat perlindungan berhampiran perkampungan mereka dibenarkan pulang selepas air surut hari ini (semalam)," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, beberapa laluan di Sri Aman, Samarahan dan Julau belum dapat dilalui berikutan paras air setinggi 0.6 hingga satu meter.

Giant, Adabi derma RM50,000

FOTO | Fariz Iswadi Ismail

KUALA LUMPUR: Syarikat terkemuka GCH Retail (M) Sdn Bhd (Giant) dan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd (Adabi) masing-masing menyumbangkan RM50,000 kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima untuk Misi Bantuan Banjir yang akan disalurkan kepada mangsa banjir di Rompin, Pahang dan Kuching, Sarawak.

Selain menghulurkan sumbangan dalam bentuk barangan, kakitangan syarikat akan turun padang sehingga Jumaat ini dengan mengadakan program gotong-ro-yong membersihkan surau serta memasak bersama penduduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Desa Wawasan, Rompin.

Sukarelawan yang terdiri daripada warga kerja Giant dan Adabi akan turut serta manakala 20 sukarelawan NSTP-Media Prima terbabit sama menjayakan program bersama mangsa banjir dan rakyat miskin itu.

Ketua Komunikasi Korporat NSTP, Wan Abdullah Wan Nawi berkata, 132 keluarga yang dilanda banjir dijangka hadir membantu dan me-



SERAH...Kusmahwati (kanan) menyampaikan sumbangan untuk mangsa banjir kepada Nuraina.

nerima sumbangan pada hari pertama, manakala hari kedua 52 keluarga daripada mangsa banjir dan keluarga miskin menerima sumbangan.

"Giant dan Adabi bukan saja menghulurkan sumbangan barangan malah turun padang menyumbangkan tenaga sama-sama memasak makanan yang diberikan kepada penduduk sekitar.

"Pada 31 Disember dan 1 Januari program ini akan diteruskan di Kuching yang turut mendapat kerjasama Kelab Kebajikan Editorial NSTP," katanya pada majlis penyerahan replika cek di Balai Berita, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarang Urusan New Straits Times (NST), Datuk Nuraina Samad, Timbalan Pengurus Pemasaran Adabi, Kusmahwati

Zahari dan Pengarah Pemasaran Giant, Ho Mun Hao.

Sementara itu, Kusmahwati, ketika ditemui berkata, Adabi akan membawa chef mereka untuk memasak disamping menunjukkan resepi baru kepada penduduk.

Ho berkata, pihaknya menyumbangkan barangan makanan dan keperluan badan seperti tuala mandi, ubat gigi serta berus gigi.

>15 mangsa air pasang besar masih berlindung

KUANTAN: Jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan sementara di Rompin berikutan fenomena air pasang besar di Kampung Gadak berkurangan apabila hanya tinggal 15 orang semalam berbanding 567 orang, kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, berikutan itu, hanya sebuah pusat pemindahan masih dibuka iaitu di Balai Raya Kampung Gadak yang menempatkan 15 orang daripada tiga keluarga.

Menurutnya, sebahagian besar mangsa dibenarkan pulang selepas air mula surut awal pagi semalam.

"Bagi tiga keluarga di pusat pemindahan pula, mereka masih perlu berada di situ berikutan fenomena air pasang besar di kampung mereka belum surut.

"Fenomena Ahad lalu itu menyebabkan air naik terutama di kawasan rendah. Bagaimanapun, setakat ini tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sejak Ahad lalu, antara kampung terjejas akibat fenomena air pasang besar itu ialah Kampung Mentara, Sarang Tiong, Piangu, Setajam, Desa Wawasan, Garong dan Tambang.

Sehubungan itu, jurucakap polis menasihatkan orang ramai, khususnya ibu bapa supaya sentiasa mengawasi anak masing-masing supaya kejadian tidak diingini dapat dielakkan.

Menurutnya, dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, keselamatan harus diutamakan manakala pemandu jalan raya harus berhati-hati kerana sebahagian besar jalan dilaporkan licin.